Tinjauan Sistem Kewangan

KOMPONEN SISTEM KEWANGAN

Malaysia mempunyai sistem kewangan yang moden dan komprehensif yang terus berkembang mengikut perubahan keadaan domestik dan antarabangsa. Pembaharuan kewangan, termasuk perubahan struktur yang berlaku selepas krisis kewangan Asia, telah mengembangkan sistem kewangan menjadi lebih pelbagai, meluas dan mendalam, lantas menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia melalui proses pengantaraan yang lebih cekap dan mempererat hubungan Malaysia dengan ekonomi global dan sistem kewangan antarabangsa.

Perubahan kewangan telah mengembangkan sistem kewangan menjadi lebih pelbagai, meluas dan mendalam lantas menyokong pertumbuhan ekonomi Malaysia.

Bank Negara Malaysia dan industri perbankan yang terdiri daripada bank perdagangan, bank pelaburan dan bank-bank Islam membentuk **sistem perbankan** di negara ini. Di Malaysia, sistem perbankan Islam dan konvensional wujud bersama dan beroperasi secara selari. Aktiviti perbankan Islam dikendalikan sama ada oleh bank-bank Islam secara eksklusif, atau melalui jendela perbankan Islam atau subsidiari yang ditubuhkan oleh bank konvensional. Proses pemodenan sistem kewangan yang berterusan telah menyaksikan kemunculan bank pelaburan dalam lanskap perbankan pada tahun 2006 apabila berlakunya integrasi antara syarikat diskaun, bank saudagar dan syarikat broker saham.

Pengantara kewangan bukan bank (*non-bank financial intermediaries, NBFI*) merupakan pelengkap kepada institusi perbankan dalam menggembleng tabungan dan memenuhi keperluan sektor ekonomi khusus. Institusi ini juga memainkan peranan penting dalam pembangunan pasaran modal dan dalam menyediakan keselamatan sosial. Institusi kewangan pembangunan (IKP), kumpulan wang simpanan dan pencen, penanggung insurans, pengendali takaful, institusi tabungan, amanah saham dan amanah harta mencakupi sebahagian besar daripada jumlah aset NBFI.

Jadual 1.1
Institusi Kewangan di bawah Kawal Selia Bank Negara Malaysia

	2006
Sistem perbankan	
Bank perdagangan	22
Bank pelaburan[1]	14
Bank-bank Islam	10
Pengantara Kewangan Bukan Bank	
Institusi kewangan pembangunan[2]	6
Penanggung insurans langsung	42
Penanggung insurans semula professional[3]	6
Pengendali takaful	8

[1] Termasuk bank saudagar dan syarikat diskaun yang telah dirasionalisasikan menjadi bank pelaburan

[2] IKP yang dikawal selia Bank Negara Malaysia di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 ialah Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad (SME Bank), Export-Import Bank of Malaysia Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional dan Bank Pertanian Malaysia

[3] Termasuk dua penanggung insurans semula profesional yang diberi lesen takaful semula profesional

Institusi perbankan, penanggung insurans, pengendali takaful dan enam IKP adalah di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia. IKP merupakan institusi kewangan khas yang ditubuhkan Kerajaan dengan mandat khusus untuk membangunkan dan menggalakkan sektor strategik dalam ekonomi. IKP melengkapi sistem perbankan dengan menyediakan sumber kewangan untuk menyokong aktiviti dalam bidang yang telah dikenal pasti sebagai sektor strategik bagi tujuan pembangunan sosioekonomi. Ini termasuk pembiayaan untuk sektor pertumbuhan baru seperti industri asas tani, dan juga pinjaman untuk menyokong aktiviti eksport dalam pasaran bukan

tradisional dan projek yang mempunyai tempoh tunggu hasil yang panjang atau memerlukan modal yang banyak. IKP juga memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dengan menyediakan akses kepada pembiayaan bagi mereka yang baru memulakan perniagaan dan usahawan yang mempunyai rekod kredit yang terhad dan cagaran yang tidak mencukupi. IKP pengambil deposit menggembleng tabungan penabung kecil dan menyediakan pembiayaan kepada individu terutamanya mereka daripada golongan yang berpendapatan rendah, sebagai sebahagian daripada mandat mereka.

Aset sistem perbankan dan NBFI berkembang 9.3% kepada RM2,091.2 bilion (2005: RM1,912.7 bilion), merupakan 382.8% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada akhir tahun 2006. Perubahan dalam sumbangan aset mengikut jenis institusi mencerminkan transformasi sistem kewangan yang berterusan.

Momentum pertumbuhan sistem perbankan Islam dijangka berterusan, disokong peserta baru dan permintaan yang kukuh terhadap produk dan perkhidmatan kewangan yang berlandaskan Syariah.

Yang ketara, penggabungan antara syarikat diskaun dengan bank saudagar berikutan pelaksanaan rangka kerja perbankan pelaburan telah menghasilkan peningkatan sebanyak 28.6% dalam aset bank saudagar. Oleh itu, bahagian aset bank saudagar meningkat untuk mencakupi bahagian yang lebih tinggi sebanyak 2.9% (2005: 2.5%) daripada jumlah aset sistem kewangan. Aset sistem perbankan Islam (termasuk jendela perbankan Islam yang dikendalikan oleh bank konvensional) terus berkembang pada kadar yang memberangsangkan dengan peningkatan pada kadar tahunan purata sebanyak 18.9% semenjak tahun 2000 yang disokong oleh permintaan yang kukuh terhadap produk dan perkhidmatan kewangan yang berlandaskan Syariah. Pada akhir tahun 2006, aset sistem perbankan Islam mencakupi RM133 bilion atau 6.4% (2005: 5.8%) daripada jumlah aset dalam sistem kewangan. Momentum pertumbuhan sektor ini dijangka berterusan dengan bermulanya operasi sebuah institusi perbankan Islam milik asing sepenuhnya dan tiga subsidiari Islam institusi perbankan

Jadual 1.2
Aset Sistem Kewangan

	Perubahan Tahunan		Pada akhir tahun 2006*a*
	2005	2006*a*	
	RM bilion		
Sistem perbankan	67.9	135.4	1,415.5
Bank Negara Malaysia	10.6	27.6	323.0
Bank perdagangan[1]	40.4	83.3	951.5
Bank saudagar[2]	4.2	13.4	60.3
Bank-bank Islam	18.6	30.3	73.8
Syarikat diskaun[2]	-5.9	-19.2	6.8
Pengantara kewangan bukan bank	79.9	43.0	675.8
Kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans	39.7	44.4	467.5
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	*23.4*	*26.4*	*290.2*
Kumpulan wang simpanan dan pencen lain	*5.7*	*5.1*	*61.9*
Kumpulan wang insurans hayat[3]	*9.0*	*11.3*	*90.8*
Kumpulan wang insurans am[3]	*1.6*	*1.6*	*24.6*
Institusi kewangan pembangunan[4]	8.4	14.2	114.0
Institusi kewangan lain[5]	31.8	-15.6	94.2
Jumlah	**147.8**	**178.5**	**2,091.2**

[1] Termasuk syarikat kewangan dan jendela perbankan Islam yang dikendalikan oleh bank konvensional

[2] Institusi-institusi ini telah dirasionalisasikan menjadi bank pelaburan

[3] Termasuk aset dana takaful

[4] Termasuk IKP bukan di bawah kawal selia langsung Bank Negara Malaysia

[5] Termasuk unit amanah yang diuruskan oleh Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) dan Amanah Saham Mara Berhad, pertubuhan-pertubuhan koperasi, syarikat pemajakan dan syarikat pemfaktoran, dan institusi kredit perumahan (termasuk Cagamas Berhad, Borneo Housing Mortgage Finance Berhad, dan Malaysia Building Society Berhad)

a Awalan

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

domestik pada tahun 2006, dan aspirasi negara untuk menempatkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa.

Peningkatan aset NBFI mencerminkan terutamanya peningkatan aset yang lebih tinggi bagi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, dana insurans hayat dan IKP. Hasil pelaburan yang bertambah baik dan pertumbuhan aktiviti pinjaman dan insurans hayat menyumbang kepada peningkatan aset NBFI. Sumbangan NBFI, sebagai satu kumpulan, kepada jumlah aset sistem kewangan secara relatif terus stabil pada 32.3% (2005: 33.1%).

Pasaran kewangan di Malaysia terdiri daripada pasaran wang, pasaran pertukaran mata wang asing, pasaran modal dan pasaran derivatif. Pasaran kewangan Malaysia, yang diiktiraf sebagai salah satu daripada pasaran yang paling maju di rantau ini, telah menunjukkan pertumbuhan yang amat ketara. Dalam **pasaran wang**, deposit antara bank dan pelbagai jenis instrumen pasaran wang jangka pendek, termasuk instrumen Islam, membantu melancarkan penyaluran dana antara peserta pasaran yang mempunyai dana berlebihan dengan peserta yang menghadapi kekurangan dana sementara. Perdagangan yang aktif antara peserta dalam pasaran wang, termasuk bank perdagangan, bank pelaburan, penanggung insurans, broker universal dan IKP, menghasilkan jumlah urus niaga sebanyak RM2,086.8 bilion pada tahun 2006. Jumlah urus niaga terus menunjukkan trend meningkat, sebahagian besar tertumpu pada urus niaga Sekuriti Kerajaan Malaysia (*Malaysian Government Securities, MGS*), dengan perjanjian belian balik meningkat dengan ketara semenjak tahun 2005 berikutan pengenalan Institutional Securities Custodian Program (ISCAP), rangka kerja jualan singkat yang dikawal selia dan kemudahan pinjaman sekuriti untuk peniaga utama, yang meningkatkan lagi mudah tunai dalam pasaran MGS.

Pasaran modal yang telah berkembang di Malaysia, yang merangkumi pasaran ekuiti dan bon, menyediakan sumber modal jangka sederhana dan panjang alternatif dan efisien dari segi kos untuk korporat. Dengan perkembangan sistem kewangan sebagai sistem yang lebih pelbagai, pasaran modal memainkan peranan yang semakin penting dalam menggembleng dan mengagihkan sumber untuk membiayai perbelanjaan modal dalam sektor

Pasaran modal memainkan peranan lebih penting dengan peningkatan dalam keluasan dan kedalaman pasaran tersebut.

Jadual 1.3
Pasaran Wang[1]

	2005	2006
	Jumlah (RM bilion)	Jumlah (RM bilion)
Jumlah urus niaga pasaran wang	**1,868.3**	**2,086.8**
Deposit antara Bank	887.6	876.1
Pelaburan Mudharabah antara Bank	254.7	256.1
Instrumen pasaran wang	***726.0***	***954.7***
Perjanjian Belian Balik	264.4	390.8
Bil Perbendaharaan Malaysia	8.5	9.4
Bil Perbendaharaan Islam Malaysia	4.5	6.0
Bil Bank Negara/Nota Monetari Bank Negara[2]	50.4	78.5
Nota Boleh Niaga Bank Negara/ Nota Monetari Islam Bank Negara[2]	36.1	58.2
Penerimaan Jurubank	44.2	49.9
Bil Penerimaan Islam	9.4	12.2
Instrumen Deposit Boleh Niaga	39.0	50.8
Sijil Hutang Boleh Niaga Islam	8.6	14.9
Sekuriti Kerajaan Malaysia	179.4	203.6
Terbitan Pelaburan Kerajaan	43.2	61.9
Bon Khazanah	20.3	4.0
Bon Cagamas	16.3	11.4
Nota Cagamas	0.0	0.6
Bon Cagamas Islam	1.8	2.4

[1] Semua data diperoleh daripada Sistem Penyebaran Maklumat Bon kecuali deposit antara bank, Pelaburan Mudharabah antara Bank, Bil Penerimaan Islam, Instrumen Deposit Boleh Niaga dan Sijil Hutang Boleh Niaga Islam yang diperoleh daripada broker pasaran wang.
[2] Bil Bank Negara dan Nota Boleh Niaga Bank Negara akan digantikan dengan terbitan Nota Monetari Bank Negara
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Rajah 1.1
Pembiayaan Kasar Sektor Swasta melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Nota: % merujuk kepada perubahan tahunan

awam dan swasta. Jumlah bon terkumpul (awam dan swasta) mencecah RM415.9 bilion atau 76.1% daripada KDNK pada akhir tahun 2006, manakala jumlah permodalan pasaran Bursa Malaysia mencapai RM848.7 bilion atau 155.3% daripada KDNK.

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih rendah sebanyak RM30.2 bilion pada tahun 2006 (2005: RM41.7 bilion), disebabkan terutamanya penebusan bon yang matang yang lebih tinggi pada tahun tersebut. Dana yang diperoleh dalam pasaran modal melengkapi pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan sebagai sumber pembiayaan penting untuk sektor swasta. Pada tahun 2006, aktiviti pemerolehan dana dalam pasaran bon korporat kekal pada paras yang tinggi, manakala pembiayaan melalui pasaran ekuiti adalah lebih lembap. Secara keseluruhannya, jumlah pembiayaan kasar melalui pasaran ekuiti dan sekuriti hutang swasta (*private debt securities, PDS*) pada tahun itu berjumlah RM32.7 bilion (2005: RM37.1 bilion) atau 6% daripada pembiayaan agregat sistem perbankan dan pasaran modal.

Pasaran bon dan ekuiti terus berkembang untuk merangkumi kelas aset baru seperti amanah pelaburan harta tanah, dana dagangan bursa dan sekuriti Islam yang berlainan. Pasaran bon Islam telah menjadi segmen utama bagi pertumbuhan dalam pasaran bon, mencakupi sebanyak 31.3% daripada jumlah bon terkumpul pada akhir tahun 2006. Pada tahun itu, terbitan nota jangka sederhana dan bon Islam menyumbang sebanyak 50.3% daripada PDS yang diterbitkan. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, pelbagai jenis instrumen kewangan Islam baru telah diwujudkan dan digunakan dalam aktiviti pasaran kewangan termasuk Bank Negara Malaysia Sukuk Ijarah, Nota Monetari Bank Negara Malaysia, sekuriti bersandarkan gadai janji perumahan Islam, dan yang terkini ialah Program Murabahah Komoditi oleh Bank Negara Malaysia. Trend ini dijangka berterusan dengan kehadiran peserta baru dalam pasaran berikutan pengeluaran lesen perbankan Islam baru oleh Bank Negara Malaysia.

Sebahagian besar aktiviti perdagangan dalam pasaran wang dan bon antara bank (iaitu secara borong) diatur melalui broker wang. Pada akhir tahun 2006, terdapat lapan broker wang berlesen yang beroperasi. Jumlah urus niaga yang dijalankan melalui broker wang mencakupi lebih daripada 65% daripada jumlah urus niaga dalam pasaran wang dan bon pada tahun 2006.

Pasaran pertukaran mata wang asing yang aktif disokong oleh perkembangan berterusan dalam aktiviti ekonomi dan pelaburan swasta, di samping aliran portfolio yang lebih besar. Sejak kadar pertukaran asing diapungkan pada bulan Julai 2005, peningkatan aliran portfolio dan urus niaga lindung nilai merupakan pendorong utama

Rajah 1.2
Jumlah Urus Niaga Antara Bank dalam Pasaran Pertukaran Mata Wang Asing Kuala Lumpur



Nota: Data dari tahun 2002 dan seterusnya berdasarkan Sistem Pemantauan Operasi Ringgit (ROMS) yang baru, manakala data bagi tahun-tahun sebelumnya berdasarkan urus niaga lapan Peniaga yang Dibenarkan

peningkatan aktiviti dalam pasaran pertukaran mata wang asing antara bank Kuala Lumpur. Jumlah urus niaga semerta *(spot)* dan swap dalam pasaran pertukaran mata wang asing Kuala Lumpur berjumlah RM925.9 bilion pada tahun 2006, merupakan peningkatan yang ketara sebanyak 42.4% dari tahun sebelumnya, dengan sebahagian besar urus niaga adalah dalam ringgit berbanding dengan dolar Amerika.

Pasaran derivatif, merangkumi derivatif di kaunter (*over-the-counter, OTC*) dan derivatif yang didagangkan di bursa, wujud bersama dan melengkapkan pasaran kewangan dalam menawarkan produk kewangan tambahan untuk tujuan pengurusan risiko dan pelaburan. Urus niaga dalam pasaran OTC kebanyakannya tertumpu pada kontrak hadapan dan swap mata wang asing dan kadar faedah. Pada tahun 2006, urus niaga hadapan dan swap mata wang asing yang dijalankan dengan institusi perbankan dari segi nosional meningkat sebanyak 30.6% kepada RM208.4 bilion (2005: RM159.6 bilion). Jumlah swap kadar faedah dengan institusi perbankan juga meningkat dengan ketara sebanyak 95.3% kepada RM364.4 bilion (2005: RM186.6 bilion). Sementara itu, dalam pasaran derivatif dagangan bursa, sejumlah 4.2 juta kontrak didagangkan pada tahun 2006, meningkat 66.4% dari tahun 2005. Kontrak hadapan Minyak Sawit Mentah dan kontrak hadapan Indeks Komposit Kuala Lumpur merupakan instrumen paling aktif didagangkan di Bursa Malaysia, mencakupi lebih daripada 90% daripada jumlah dagangan di bursa, manakala kontrak hadapan Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR), kontrak hadapan MGS dan kontrak hadapan minyak isirong kelapa sawit mencakupi jumlah urus niaga selebihnya.

Sistem pembayaran merupakan bahagian penting infrastruktur kewangan. Pembangunan sistem pembayaran yang efisien, boleh dipercayai dan selamat memainkan peranan penting dalam memudahkan penyelesaian, penjagaan dan penyampaian produk dan perkhidmatan kewangan. Sistem penyelesaian kasar masa nyata (RENTAS) untuk pemindahan dana antara bank bernilai tinggi dan sekuriti tanpa skrip, dan SPICK, sistem penjelasan cek berasaskan imej, diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia masing-masing pada tahun 1999 dan 1997. Sistem ini dilengkapi sistem proprietari lain yang dimiliki dan dikendalikan oleh institusi kewangan. Ini termasuk Giro Antara Bank (sistem pindahan dana antara bank berorientasi kelompok), e-Debit (rangkaian kad debit domestik) dan Bursa Proses Kewangan (sistem pembayaran Internet) yang dikendalikan oleh Malaysian Electronic Payment System (1997) Sdn. Bhd. (MEPS) yang dimiliki oleh bank-bank domestik. Pada masa ini, terdapat dua rangkaian mesin teler automatik (ATM) perkongsian di Malaysia, rangkaian MEPS untuk bank-bank domestik dan beberapa institusi kewangan pembangunan, dan rangkaian HOUSe bagi bank-bank asing yang diperbadankan di Malaysia. Sistem penjelasan dan penyelesaian bagi sekuriti (selain sekuriti tanpa skrip yang diselesaikan melalui RENTAS) dan derivatif dikendalikan oleh Bursa Malaysia Berhad.

PENGANTARAAN KEWANGAN - SUMBER DAN PENGGUNAAN DANA

Deposit yang disimpan dalam institusi kewangan dan caruman kepada kumpulan wang simpanan, pencen dan insurans merupakan sumber utama pembiayaan sistem kewangan. Institusi perbankan kekal sebagai penggembleng terbesar deposit sistem kewangan dengan mencakupi 77.1% daripada jumlah deposit terkumpul pada tahun 2006. Caruman kepada kumpulan wang simpanan dan pencen terus didominasi oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang mencakupi lebih daripada 90% daripada jumlah caruman. Jumlah sumber sistem kewangan disalurkan terutamanya kepada pinjaman dan pendahuluan yang sebahagian besarnya dikeluarkan oleh institusi perbankan, di samping pelaburan dalam sekuriti.

PRESTASI SEKTOR KEWANGAN

Sektor Perbankan

Sektor perbankan konvensional dan Islam kekal sebagai teraju utama fungsi pengantaraan dalam ekonomi dan terus memperkukuh peranannya sebagai pendorong pertumbuhan ekonomi negara. Perkembangan dalam persekitaran ekonomi, perniagaan, operasi dan pengawalseliaan telah menyumbang kepada

terbentuknya sektor perbankan yang teguh, kukuh dan kompetitif yang wujud pada hari ini. Akses kepada perkhidmatan perbankan dan kewangan bagi orang ramai terus bertambah baik dengan adanya rangkaian cawangan yang luas dan saluran penyampaian yang moden yang menggunakan kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi seperti komputer meja dan Internet dan juga telefon mudah alih. Pertumbuhan dalam deposit yang digembleng oleh sektor perbankan berpurata pada kadar tahunan 9.4% sejak enam tahun lalu, bukan sahaja dari segi jumlah tetapi juga dari segi kepelbagaian dan rangkaian produk. Sehubungan ini, pakej pinjaman dan instrumen pembiayaan yang lebih pelbagai dan semakin kompleks ditawarkan untuk memenuhi keperluan ekonomi negara yang semakin berkembang. Pada akhir tahun 2006, deposit yang digembleng oleh sektor perbankan berjumlah RM810 bilion atau 148.2% daripada KDNK sementara pinjaman dan pembiayaan kekal stabil pada 108.5% daripada KDNK meskipun nyahpengantaraan yang semakin pesat oleh pasaran modal. Purata pulangan atas ekuiti ialah 16.1% pada tahun 2006. Dari segi guna tenaga, sebanyak 100,414 orang (2000: 96,159 orang) bekerja dalam sektor perbankan, dan jumlah ini mewakili kira-kira 1% daripada tenaga pekerja negara.

Jadual 1.4
Sumber dan Kegunaan Dana Sistem Kewangan

	Perubahan tahunan		Pada akhir tahun
	2005	2006*a*	2006*a*
	RM bilion		
Sumber:			
Modal dan rizab	13.6	26.6	207.2
Mata wang	2.0	3.5	37.9
Deposit	87.5	128.0	1,051.1
Peminjaman	3.4	2.6	58.6
Dana daripada institusi kewangan lain[1]	12.5	-8.4	75.8
Kumpulan wang insurans, simpanan dan pencen	35.7	11.5	385.1
Tanggungan lain	-6.9	14.7	275.4
Jumlah	**147.8**	**178.5**	**2,091.2**
Kegunaan:			
Mata wang	1.0	-0.4	5.7
Deposit dengan institusi kewangan lain	11.5	62.8	322.2
Pinjaman dan pendahuluan[2]	65.9	43.7	765.3
Sekuriti	39.8	16.4	489.3
Bil Perbendaharaan	*1.3*	*0.0*	*1.7*
Bil Perdagangan	*-1.3*	*-1.1*	*6.0*
Sekuriti kerajaan Malaysia (MGS)	*14.2*	*1.1*	*154.8*
Korporat	*20.9*	*14.5*	*306.1*
Sekuriti Hutang Swasta	*10.2*	*-1.2*	*139.2*
Ekuiti	*9.8*	*15.7*	*166.9*
Asing	*2.1*	*0.6*	*7.3*
Lain-lain	*3.7*	*1.2*	*13.4*
Emas dan rizab pertukaran asing	15.4	25.7	288.9
Aset lain	14.1	30.4	219.8

[1] Termasuk rizab berkanun institusi perbankan
[2] Tidak termasuk pinjaman yang telah dijual kepada Danaharta
a Awalan
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Aktiviti pemberian pinjaman berterusan

Aktiviti pemberian pinjaman dan pembiayaan menjadi lebih sederhana pada tahun 2006, dipengaruhi oleh sikap dan sentimen yang lebih berhati-hati dari aspek permintaan pada awal tahun. Pinjaman terkumpul sistem perbankan berkembang 6.3% kepada RM593 bilion pada akhir tahun 2006 (akhir tahun 2005: RM558.1

Rajah 1.3
Pinjaman kepada Sektor-sektor Perniagaan



Rajah 1.4
Pinjaman kepada Sektor Isi Rumah



bilion). Memandangkan penggunaan pembiayaan pasaran modal oleh perniagaan besar semakin meningkat, pengimbangan semula portfolio dan strategi yang bertujuan untuk mengembangkan bahagian pasaran dalam sektor runcit telah menghasilkan lebih banyak tumpuan kepada sektor berasaskan runcit. Pinjaman dan pembiayaan kepada sektor isi rumah dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) masing-masing kini mencakupi 56.2% dan 17.6% daripada pinjaman sistem perbankan, dengan semakin lebih penekanan terhadap perusahaan mikro. Pinjaman yang dikeluarkan kepada individu kebanyakannya dalam bentuk gadai janji (48%) dan pembiayaan kenderaan (27%) manakala pinjaman kepada PKS tertumpu terutamanya dalam industri perdagangan borong dan runcit (25%), perkilangan (25%), kewangan, harta tanah dan berkaitan perniagaan (14%), dan berkaitan pembinaan (13%). Pinjaman tidak berbayar (*non-performing loans, NPL*) terus bertambah baik disokong oleh pengelasan semula NPL kepada status pinjaman berbayar dan kutipan semula pinjaman serta usaha untuk mencapai kedudukan kewangan yang lebih kukuh melalui hapus kira pinjaman. Hasilnya, NPL bersih berdasarkan klasifikasi 3 bulan menurun 12.7% kepada RM27.4 bilion, mencakupi 4.8% daripada pinjaman bersih pada akhir tahun 2006.

Permodalan kukuh disokong oleh aktiviti pengurusan modal yang aktif

Nisbah modal kekal tinggi dan jauh melebihi keperluan minimum. Nisbah modal wajaran risiko (*risk-weighted capital ratio, RWCR*) terus melebihi 12.5% sepanjang tahun. Kedudukan modal yang kukuh ini merupakan penampan yang kuat dalam menghadapi kerugian luar jangka berpunca daripada risiko kredit dan pasaran.

Lebih banyak aktiviti pengurusan modal dilihat dalam tempoh kebelakangan ini. Banyak institusi perbankan melaksanakan usaha untuk mempelbagaikan dan mempertingkatkan kecekapan kos modal dalam persekitaran persaingan yang semakin sengit dan tekanan yang meningkat untuk memastikan pulangan jangka panjang yang mampan dan menarik kepada pemegang saham. Tindakan ini dipermudah oleh lebih banyak fleksibiliti pengawalseliaan dan inovasi dalam aktiviti pengurusan modal. Berikutan lebih banyak terbitan modal hutang subordinat Kumpulan-2, komposisi modal Kumpulan-1 menyusut kepada 71.6% daripada jumlah modal pada akhir tahun 2006, daripada 73.3% dua tahun lalu. Pada masa yang sama, inovasi dalam instrumen modal juga telah menghasilkan instrumen modal hibrid yang mempunyai ciri hutang dan juga ekuiti, yang layak diklasifikasikan sebagai modal Kumpulan-1 inovatif. Secara agregat, nisbah modal teras ialah 10.3% pada akhir tahun.

Peningkatan produktiviti dan kecekapan menyumbang kepada keuntungan yang mampan

Keuntungan sebelum cukai tidak diaudit awal naik 4.7% kepada RM13 bilion, didorong terutamanya oleh perolehan yang lebih tinggi daripada aktiviti pemberian pinjaman dan pembiayaan, perkhidmatan pengiriman wang dan penyelesaian di samping aktiviti perdagangan. Paras keuntungan yang lebih tinggi mencerminkan kepelbagaian dalam portfolio perniagaan institusi perbankan. Institusi perbankan juga menerokai bidang perniagaan baru seperti penawaran produk berkaitan pelaburan, jualan silang bankasurans dan produk amanah saham, pengurusan kekayaan dan perkhidmatan kewangan sampingan lain. Fleksibiliti pengendalian yang lebih banyak yang diberikan kepada institusi perbankan serta inovasi dalam produk dan saluran penyampaian

selanjutnya menyumbang kepada peningkatan dalam kecekapan dan keberuntungan.

Pendapatan faedah bersih meningkat 10.8% selaras dengan pertumbuhan berterusan dalam aktiviti pemberian pinjaman dan pembiayaan, urus niaga antara bank dan juga peningkatan aktiviti perbendaharaan. Dalam persekitaran persaingan yang sengit dan lebihan mudah tunai serta perbelanjaan faedah atas deposit yang lebih tinggi, margin faedah kasar kekal hampir tidak berubah pada kadar 2.80 mata peratusan. Sementara itu, margin faedah bersih (dikira sebagai pendapatan faedah bersih tolak kos overhed dan peruntukan, dinyatakan sebagai peratusan daripada aset berkaitan faedah) semakin mengecil kepada 0.39 mata peratusan.

Pada tahun 2006, institusi perbankan terus mempertingkatkan kecekapan perniagaan melalui penambahbaikan sistem dan proses IT. Kenaikan dalam perbelanjaan penubuhan dan pemasaran yang berkaitan dengan strategi penjenamaan semula dan strategi pengubahsuaian cawangan telah menyebabkan peningkatan dalam nisbah perbelanjaan (kos staf dan overhed kepada jumlah pendapatan) kepada 41.3% (2005: 40%). Keupayaan institusi perbankan untuk bertahan daripada tekanan persaingan ditentukan oleh faktor lain selain saiz aset dan modal. Meskipun perbelanjaan berkaitan dengan staf yang lebih tinggi telah menyebabkan kos bagi setiap staf meningkat kepada RM72,164 (2005: RM65,344), namun peningkatan ini telah meningkatkan produktiviti. Keuntungan sebelum cukai bagi setiap staf naik kepada RM131,899 berbanding dengan RM130,297 pada tahun sebelumnya.

Sektor perbankan Islam semakin penting

Perbankan Islam yang beroperasi selari dengan perbankan konvensional juga telah berkembang dari segi saiz, kepelbagaian dan kepentingan dalam lanskap kewangan Malaysia. Jumlah peserta dalam sektor perbankan Islam meningkat apabila empat institusi baru mula beroperasi pada tahun 2006. Aset sistem perbankan Islam berkembang 20.5% pada tahun tersebut mencakupi 12.2% daripada aset sistem perbankan. Perkembangan ini adalah ketara dengan pertumbuhan dalam aktiviti pembiayaan (+12.3%) yang kini mencakupi 13.2% daripada pinjaman sistem perbankan. Deposit yang digembleng oleh sistem perbankan Islam juga meningkat pada kadar yang kukuh sebanyak 18.2% pada tahun 2006 untuk mencakupi 12.2% daripada deposit sistem perbankan.

Kedudukan modal sektor perbankan Islam terus teguh, disokong keuntungan sebelum cukai yang lebih tinggi dan suntikan modal oleh penyertaan baru dan peserta baru. RWCR mencatat tahap kukuh iaitu 16.6%, manakala nisbah modal teras pula berada pada tahap 12.6%. Keuntungan sebelum cukai tidak diaudit awal sistem perbankan Islam berjumlah RM1.7 bilion, yang menunjukkan pertumbuhan sebanyak 9.6%. Keuntungan yang lebih tinggi ini sebahagian besarnya dijana oleh pertumbuhan dalam pendapatan pembiayaan (13%), pendapatan daripada penempatan dana (75.1%) dan kutipan semula aset tak berbayar (22.8%). Berikutan itu, pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti bagi sektor perbankan Islam masing-masing mencatatkan 1.3% dan 16.4%.

Sektor perbankan Islam terus menyokong pelbagai aktiviti ekonomi yang menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Jumlah pembiayaan oleh sektor perbankan Islam ialah RM78.5 bilion pada akhir tahun 2006. Sama seperti trend perbankan konvensional, 57.6% daripada peningkatan 12.3% dalam pembiayaan disalurkan kepada sektor isi rumah. Tahap pembiayaan tidak berbayar terus susut secara stabil apabila aset tidak berbayar bersih menyusut hampir 25% kepada RM3.4 bilion pada akhir tahun 2006 untuk mencakupi 4.5% daripada pembiayaan bersih.

Deposit pelaburan (am dan spesifik) naik 10.3% untuk mencakupi 49.6% daripada deposit perbankan Islam, kebanyakannya tertumpu pada profil kematangan jangka pendek bawah satu tahun (95.2%). Tabungan dan deposit permintaan pula masing-masing berkembang 16.7% dan 38.8%, terutamanya disebabkan bertambahnya bilangan pelanggan runcit dalam perbankan Islam.

Nisbah perbelanjaan berkaitan staf dan kos overhed kepada pendapatan operasi kasar meningkat kepada 42.6%. Kenaikan dalam kos

staf disebabkan terutamanya oleh tawaran pakej imbuhan yang lebih tinggi untuk mengekalkan dan menarik kepakaran ekoran persaingan daripada peserta baru, dan juga sumber tambahan yang diperlukan untuk menyokong pengembangan industri. Sementara itu, kos overhed yang lebih tinggi disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan penubuhan dan pentadbiran yang berkaitan dengan penubuhan cawangan baru oleh institusi perbankan Islam, khususnya oleh peserta baru pasaran.

Sektor Insurans dan Takaful

Industri insurans dan takaful menjadi semakin penting dalam lanskap kewangan Malaysia, baik sebagai penyedia perlindungan risiko mahupun sebagai kaedah alternatif untuk tabungan dan pelaburan. Pencapaian ini berlatarbelakangkan peningkatan kesedaran dan penerimaan orang ramai dan perniagaan secara amnya mengenai kepentingan perlindungan risiko. Pada masa yang sama, minat yang meningkat dalam kalangan golongan yang berpendapatan tinggi untuk memilih produk tabungan dan yang berhubung dengan pelaburan seperti produk endowmen dan berkaitan pelaburan yang menawarkan lebih fleksibiliti pelaburan turut menyumbang kepada pertumbuhan sektor ini. Perkembangan ini bertambah pesat dengan meningkatnya kepentingan bankasurans sebagai saluran untuk memasarkan produk insurans hayat. Prospek sektor insurans dan takaful untuk terus berkembang kekal positif memandangkan prospek pertumbuhan ekonomi dan pendapatan yang menggalakkan, di samping kadar penembusan insurans yang secara relatif rendah pada 5.1% daripada keluaran negara kasar.

Sektor insurans dan takaful mencatat gabungan premium dan sumbangan berjumlah RM26.6 bilion pada tahun 2006. Ini merupakan peningkatan sebanyak 6.8%, yang sebahagian besarnya adalah bagi tempoh separuh tahun kedua apabila jangkaan kenaikan kadar faedah berkurang, dan sektor isi rumah serta perniagaan dapat menyesuaikan diri dengan kos sara hidup yang lebih tinggi.

Dalam sektor insurans hayat dan takaful keluarga, premium perniagaan dan sumbangan baru mencatat pertumbuhan sebanyak 13.5% kepada RM8.4 bilion pada tahun 2006 (2005: RM7.4 bilion). Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh perniagaan berkaitan pelaburan yang berkembang pada kadar tahunan yang mengkagumkan iaitu 89% kepada RM3.4 bilion untuk mengimbangi kemerosotan dalam perniagaan hayat biasa. Pada akhir tahun, produk berkaitan pelaburan mencakupi lebih daripada 40% daripada perniagaan baru.

Dari segi saluran pengagihan, premium baru yang dijana menerusi rangkaian bankasurans mencatat bahagian yang lebih tinggi sebanyak 44.2% pada tahun 2006 (2005: 41.8%), manakala bahagian pasaran perniagaan agensi menurun kepada 44.8% (2005: 46%).

Sektor insurans dan takaful am berkembang pada kadar yang lebih sederhana pada tahun 2006. Jumlah premium dan sumbangan langsung kasar meningkat 4.1% kepada RM10.3 bilion (2005: +9.8% kepada RM9.9 bilion). Kemerosotan ini didorong oleh jumlah perniagaan yang lebih rendah dalam sektor motor dan juga penurunan kadar premium untuk risiko harta tanah komersial, penerbangan dan kargo. Walaupun begitu, kemerosotan ini diimbangi oleh pertumbuhan kukuh dalam kelas perniagaan badan kapal, berkaitan minyak luar pesisir, perubatan dan kesihatan, serta kemalangan peribadi. Pertumbuhan perniagaan badan kapal disebabkan terutamanya oleh perniagaan baru ekoran pembinaan kapal ronda tentera laut, manakala peningkatan premium perniagaan berkaitan minyak luar pesisir mencerminkan peningkatan aktiviti industri minyak dan gas berikutan kenaikan harga minyak.

Kedudukan kesolvenan industri insurans kekal kukuh dengan lebihan kesolvenan agregat sebanyak RM16 bilion (berdasarkan asas tidak diaudit) pada akhir tahun 2006. Tahap keberuntungan dikekalkan sejajar dengan persekitaran pelaburan yang menggalakkan yang menghasilkan pendapatan bersih daripada aktiviti pelaburan yang lebih tinggi dan peruntukan pengurangan nilai pelaburan yang diambil kira semula. Digabungkan

dengan premium baru yang lebih tinggi, lebihan pendapatan atas perbelanjaan bagi perniagaan insurans hayat dan keluarga berkembang 17.8% kepada RM12.4 bilion pada tahun 2006 (2005: -7.6% kepada RM10.6 bilion). Lebihan penanggung insurans hayat meningkat kepada RM4.8 bilion (2005: RM3.6 bilion) disokong terutamanya oleh pulangan pelaburan yang lebih baik serta pengalaman mortaliti dan morbiditi yang menggalakkan. Bagi perniagaan insurans dan takaful am, tuntutan yang lebih tinggi terutamanya dalam perniagaan motor, menyebabkan kemerosotan hasil pengunderaitan sebanyak 43% kepada RM0.6 bilion (2005: RM1.1 bilion). Walau bagaimanapun, pendapatan pelaburan yang lebih tinggi membolehkan sektor insurans dan takaful am mengekalkan keuntungan operasi keseluruhan sebanyak RM1.5 bilion.

Jumlah aset industri insurans dan takaful terus mencatat pertumbuhan dua angka sebanyak 12.6% kepada RM115.4 bilion pada akhir tahun 2006, disokong terutamanya oleh pengembangan dalam aset dana hayat (+14.1%). Daripada jumlah ini, sekuriti korporat dan hutang berjumlah RM54.3 bilion. Pelaburan dalam aset asing meningkat hampir sebanyak 300% kepada RM1.2 bilion (akhir tahun 2005: RM0.3 bilion) mencerminkan strategi penanggung insurans untuk memadankan liabiliti produk dalam mata wang asing dan produk modal terjamin, dengan pendedahan dalam pasaran asing. Walau bagaimanapun, bahagian aset asing berbanding jumlah aset dana insurans kekal rendah pada 1% daripada jumlah aset.

Sektor takaful mencatat prestasi pertumbuhan yang teguh

Industri takaful terus mencatat prestasi yang kukuh pada tahun 2006. Jumlah aset meningkat 17.9% untuk mencakupi 6.1% daripada jumlah aset industri insurans, manakala gabungan sumbangan takaful meningkat kepada RM1.7 bilion untuk mencakupi 6.5% daripada jumlah premium industri. Dalam sektor takaful keluarga, sumbangan perniagaan baru meningkat dengan ketara sebanyak 74.6% kepada RM1.3 bilion (2005: RM725.5 juta). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan dalam takaful gadai janji (+73.7% kepada RM0.7 bilion) serta perniagaan berkaitan pelaburan (+200.1% kepada RM0.2 bilion) untuk mencakupi 68.2% daripada perniagaan baru. Perniagaan takaful am mengekalkan momentum pertumbuhan yang kukuh dengan sumbangan langsung kasar berkembang 29.4% kepada RM713.7 juta (2005: RM551.4 juta). Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh jumlah perniagaan dalam sektor motor dan kebakaran yang lebih tinggi, yang mencatat pertumbuhan masing-masing sebanyak 42.9% dan 34.7%.

Institusi Kewangan Pembangunan

Prestasi IKP yang dikawal selia Bank Negara Malaysia terus kukuh pada tahun 2006, sebagaimana ditunjukkan oleh prestasi perniagaan secara keseluruhan yang menggalakkan dan kedudukan kewangan yang bertambah baik. Pada tahun 2006, pinjaman keseluruhan yang dikeluarkan oleh IKP kepada sektor sasaran mencatat pertumbuhan kukuh sebanyak 17.9% dengan jumlah pinjaman terkumpul meningkat kepada RM51.1 bilion pada akhir tahun 2006 (akhir tahun 2005: RM43.4 bilion). Sebagai respons kepada bertambahnya jumlah projek pembangunan dalam sektor infrasruktur, pinjaman kepada sektor ini meningkat lagi sebanyak 11.7% kepada RM14.9 bilion, terutamanya bagi membiayai aktiviti dalam sektor pembinaan, pengangkutan dan komunikasi. Pembiayaan kepada PKS, termasuk PKS dalam sektor perkhidmatan, perkilangan dan pertanian, juga terus berkembang sebanyak 9.9% kepada RM13.2 bilion dalam menyokong usaha Kerajaan untuk menggalakkan dan membangunkan sektor PKS. Pada akhir tahun 2006, pembiayaan oleh IKP kepada PKS mencakupi 25.9% daripada gabungan jumlah pinjaman terkumpul IKP.

Bagi menyokong usaha menggiatkan semula sektor pertanian dan asas tani, pinjaman kepada sektor tersebut mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 8.5% pada tahun 2006 (2005: 2.9%) yang disalurkan terutamanya kepada aktiviti penanaman, penternakan dan aktiviti pemprosesan asas tani. Pembiayaan untuk menyokong aktiviti eksport juga kekal teguh, dengan 44% daripada pinjaman disalurkan

kepada usaha niaga dalam pasaran bukan tradisional. Sementara itu, pembiayaan untuk kredit penggunaan oleh beberapa IKP meningkat sebanyak 23.7% (2005: 42.9%), mencerminkan permintaan pengguna yang teguh terutamanya terhadap pinjaman peribadi daripada golongan berpendapatan lebih rendah.

NPL sektor IKP kekal terurus, sebagaimana ditunjukkan oleh nisbah NPL kasar dan bersih yang menurun masing-masing kepada 9.4% dan 3.9% pada akhir tahun 2006 (akhir tahun 2005: masing-masing 10.4% dan 4.5%). Kualiti aset yang semakin baik ini disebabkan oleh usaha secara progresif yang dilakukan IKP bagi mempertingkatkan proses kredit dan sistem maklumat mereka, yang membolehkan IKP mengurus dan mengawal NPL dengan lebih baik. Tambahan pula, penglibatan hampir kesemua IKP dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (*Central Credit Reference Information System, CCRIS*) juga telah menyumbang kepada penilaian kredit yang lebih baik, yang mengurangkan kes pinjaman baru menjadi pinjaman tak berbayar.

Jumlah deposit yang digemblengkan oleh IKP pengambil deposit untuk menggalakkan tabungan dalam kalangan penabung kecil dan ahli koperasi terus meningkat kepada RM40.3 bilion pada akhir tahun 2006 (akhir tahun 2005: RM36.2 bilion). Pengembangan operasi perniagaan yang mampan terus menjana keuntungan yang kukuh kepada IKP yang berjumlah RM1.3 bilion pada tahun 2006 (2005: RM1.5 bilion). Daripada jumlah ini, lebih daripada 80% disumbangkan oleh keuntungan operasi. Hasil yang menggalakkan ini melengkapkan suntikan modal oleh Kerajaan untuk terus memperkukuhkan kedudukan kewangan IKP, dengan jumlah dana pemegang saham meningkat kepada RM10.7 bilion pada akhir tahun 2006 daripada RM8.4 bilion pada akhir tahun 2005.